

KENYATAAN MEDIA

MENTERI KANAN (KLUSTER INFRASTRUKTUR),
DATO' SRI HJ FADILLAH BIN HJ YUSOF

MAKLUMBALAS MENGENAI KLUSTER COVID-19 BAHARU DI TAPAK BINA DI KUALA LUMPUR

Akta dan SOP Penempatan Pekerja Binaan Wajib patuhi

Saya memandang serius berkaitan dengan penemuan kes COVID-19 terkini yang melibatkan pekerja binaan di Kuala Lumpur.

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKLP) telah memaklumkan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) terdapat 44 kes positif COVID-19 di sebuah tapak pembinaan di Kuala Lumpur pada 24 Mei 2020.

Kes-kes positif ini telah dikesan apabila sebuah syarikat kontraktor menghantar 400 orang pekerjanya menjalani ujian maklmal COVID-19 bagi memenuhi syarat wajib untuk memulakan operasi, seperti yang tertakluk di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Tapak pembinaan tersebut masih BELUM beroperasi semasa ujian COVID-19 dijalankan dan apabila keputusan ujian diperolehi.

Jangkitan baru ini, seperti kes-kes yang sebelumnya, merupakan penularan COVID-19 di penempatan pekerja yang padat dengan penghuni yang terlalu ramai serta mustahil untuk mengamalkan penjarakan sosial.

Ingin saya tekankan di sini serta memberi amaran keras kepada semua kontraktor bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tapak pembinaan dan penempatan pekerja mereka mematuhi SOP PKPB, supaya ia tidak menjadi tempat penularan COVID-19.

Salah satu daripada inisiatif Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang dimulakan pada tahun 2016, adalah memastikan penempatan pekerja di dalam sektor pembinaan mengikut standard minima yang diperuntukkan di dalam undang-undang. CIDB dengan kolaborasi Jabatan Standard Malaysia telah memperkenalkan *Malaysian Standard for Construction Site Workers Amenities and Accommodation (MS 2593:2015)* pada tahun 2016 dan pada tahun lepas, Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446) di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dipinda bagi meliputi pekerja di dalam semua sektor, termasuk pembinaan.

Di bawah Akta ini, adalah menjadi tanggungjawab majikan bagi memastikan pekerja mereka ditempatkan di dalam penempatan yang elok dan mempunyai kemudahan mengikut keperluan undang-undang.

1/3

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Dengan PKPB yang sedang dilaksanakan, keperluan ini diperkuuhkan lagi dengan SOP bagi memastikan penempatan pekerja adalah selamat daripada menjadi tempat penularan COVID-19.

Kontraktor yang gagal mematuhi SOP PKPB di tapak bina dan penempatan pekerja, tidak akan dibenarkan beroperasi. Jika mereka tidak memenuhi tanggungjawab seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 446, tindakan tegas akan diambil oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Jika mana-mana kontraktor didapati bersalah tidak mematuhi mana-mana undang-undang bertulis, CIDB boleh mengambil tindakan disiplin kepada Kontraktor tersebut termasuk menggantung dan membatalkan pendaftaran kontraktor tersebut.

Cara terbaik untuk seluruh industri pembinaan di masa akan datang pasca COVID-19 adalah dengan memastikan mereka tidak lagi bergantung dengan pekerja asing yang tidak berkemahiran dan bergaji murah. Sebaliknya, mereka perlu melabur di dalam pengambilan pekerja tempatan yang berkemahiran, dan seterusnya di dalam penggunaan teknologi – Sistem Binaan Berindustri (IBS), mekanisasi dan automasi bagi meningkatkan kualiti, keselamatan, kemapanan dan produktiviti projek pembinaan mereka.

YB DATO' SRI HJ FADILLAH BIN HJ YUSOF
MENTERI KANAN (KLUSTER INFRASTRUKTUR)
26 Mei 2020

2/3

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

¶ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | ¶ : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

1.0 MAKLUMAT TAPAK BINA:

i. **Jenis Projek:**

Blok Pejabat 19 tingkat

ii. **Pekerja terlibat:**

- 400
- 228 tinggal di kongsi sebelah tapak bina.

iii. **Hasil Ujian Maklmal COVID-19:**

Seramai 400 pekerja telah dihantar untuk membuat ujian COVID-19. Hasil ujian tersebut telah dihantar ke Kementerian Kesihatan (MOH) mendapati 44 daripada pekerja adalah positif COVID-19

iv. **Penempatan Pekerja**

- 44 pekerja positif COVID-19
 - **43 pekerja asing** (42 tinggal di kongsi, dan seorang lagi tinggal di Selangor Mansion)
 - Salah satu kes positif adalah seorang warga tempatan dan yang bertugas sebagai pengawal keselamatan

2.0 TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL:

- Tapak bina tersebut telah diarah tutup oleh JKWP KLP.
- Kontraktor tersebut telah diarah untuk membersihkan dan membuat nyah kuman kepada semua tapak bina dan penempatan pekerja.
- Lebih daripada 200 pekerja akan dikuarantin di satu tempat berdekataan
- 44 kes positif tersebut telah pun di masukkan ke Hospital Sungai Buloh

3/3

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my